

PUSAT ALUMNI

UPM/HEPA/PA/700-8/11/2

07 Mac 2018

Prof. Dr. Azali Mohamed
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor

YBhg. Prof.,

PERMOHONAN MEMPROMOSIKAN BIASISWA YAYASAN SAID PERINGKAT BACELOR SESI 2017/2018

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Alumni UPM (ACUPM) telah diberi kepercayaan untuk menguruskan Biasiswa Yayasan Said bermula pada sesi 2017/2018. Biasiswa Yayasan Said adalah merupakan sumbangan daripada Encik Said Saiful Fazli Said Aluwi, Ketua Pegawai Eksekutif CLA Empire Sdn. Bhd. Beliau merupakan Alumni UPM kelas 2008. Syarikat CLA Empire Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang memfokuskan bimbingan dan tunjuk ajar kepada usahawan yang ingin memulakan dan menceburi bidang perniagaan. Syarikat ini juga memberi pelan strategi untuk usahawan menimba ilmu perniagaan. Beliau bersetuju untuk menyumbang dana sebanyak RM30,000.00 dalam bentuk biasiswa di bawah nama Biasiswa Yayasan Said. Biasiswa Yayasan Said akan menaja seorang (1) pelajar Bachelo Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM.

3. Sehubungan itu, saya ingin memohon jasa baik daripada pihak YBhg. Prof. untuk membantu Pusat Alumni UPM dalam mengiklankan permohonan biasiswa tersebut di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM (iklan beserta borang permohonan dilampirkan). Sekiranya pihak YBhg. Prof. mempunyai sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Sekretariat biasiswa:

- i. **Cik Nur Sabrina Marzuki di talian 03-8947151 atau menerusi emel di alamat nur_sabrina@upm.edu.my**

ATAU:

- ii. **Cik Nur Syafiqah Anuar di talian 03-89471017 atau menerusi emel di alamat nsyafiqah@upm.edu.my**

Hebahar
A.



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



BIASISWA YAYASAN SAID

Universiti Putra Malaysia mempelawa calon-calon yang layak untuk memohon Biasiswa Yayasan Said bagi menampung pengajian di Universiti Putra Malaysia.

SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN (BACELOR)

1. Calon adalah warganegara Malaysia.
2. Umur tidak melebihi 30 tahun pada atau sebelum 1 Januari 2018
3. Terbuka kepada pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM peringkat Bachelor, walaubagaimanapun keutamaan diberikan kepada pelajar **Bachelor Pentadbiran Perniagaan**.
4. Pelajar telah menunjukkan dan mencapai kejayaan akademik yang cemerlang pada semester pertama tahun pertama pengajian iaitu Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.0 keatas.
5. Pelajar telah menunjukkan dan mencapai kejayaan kokurikulum yang cemerlang.
6. Hanya pelajar semester kedua, tahun pertama sahaja yang layak memohon.
7. Pendapatan isi rumah haruslah berjumlah RM3,000 ke bawah dan Pelajar/IbuBapa diiktiraf sebagai golongan asnaf digalakkan memohon.

CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh mendapatkan borang daripada:

Pusat Alumni UPM,
Bangunan Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi,
Off Lebuh Silikon, 43400
Universiti Putra Malaysia, Serdang

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

9

APRIL 2018

PEGAWAI PERHUBUNGAN

- 03- 8947 1151 (Cik Nur Sabrina Marzuki)
- 03- 8947 1017 (Cik Nur Syafiqah Anuar)



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE